

# Kempen tangani salah laku pelajar

## FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: [bhforum@bh.com.my](mailto:bhforum@bh.com.my)

### Belasah rakan lapor curi baju sukan

Video pelajar perempuan tunjuk samseng selepas digantung sekolah undang kemarahan

Seorang pelajar perempuan tunjuk samseng selepas digantung sekolah undang kemarahan

Seorang pelajar perempuan tunjuk samseng selepas digantung sekolah undang kemarahan

Seorang pelajar perempuan tunjuk samseng selepas digantung sekolah undang kemarahan

Seorang pelajar perempuan tunjuk samseng selepas digantung sekolah undang kemarahan

Seorang pelajar perempuan tunjuk samseng selepas digantung sekolah undang kemarahan

Seorang pelajar perempuan tunjuk samseng selepas digantung sekolah undang kemarahan

Seorang pelajar perempuan tunjuk samseng selepas digantung sekolah undang kemarahan

Seorang pelajar perempuan tunjuk samseng selepas digantung sekolah undang kemarahan

Seorang pelajar perempuan tunjuk samseng selepas digantung sekolah undang kemarahan

Seorang pelajar perempuan tunjuk samseng selepas digantung sekolah undang kemarahan



Antara belabanya pelajar...

Keratan akhbar BH 8 Jun lalu.

Satu lagi rakaman video pelajar bergaduh tersebar melalui media sosial. Ia bukan perkara baru. Apa yang baru barangkali ialah kejadian seperti ini senang tersebar kepada umum - terima kasih kepada teknologi yang memudahkan komunikasi.

Berdasarkan pendedahan rakaman video terbabit, jelas menunjukkan bahawa ia bukan kejadian gaduh, tetapi lebih kepada kes buli. Seorang pelajar dikelilingi sekumpulan pelajar lain. Pelajar yang seorang itu kemudian dicaci, dimaki, dihina dan kemudian dipukul.

Apakah itu kes buli? Kes buli membawa maksud masalah yang meliputi kegiatan seperti memeras ugut, menghina, mengejek, menumbuk, memaki dan sebagainya yang dilakukan oleh seseorang terhadap mangsa. Ada beberapa punca yang telah dikenal pasti sebagai penyumbang kepada masalah kes buli ini.

#### Kurang hayati nilai agama

Antaranya kurang penghormatan nilai agama dalam diri pelajar. Mereka sanggup berbu-

at demikian hanya untuk mendapatkan perhatian dan menunjukkan kekuatannya. Ringkasnya, mereka semakin ketandusan nilai kemanusiaan. Ibu bapa yang kurang memberikan belaian kasih sayang dan prihatin kepada anak juga menjadi antara punca kes buli ini.

Ibu bapa yang selalu sibuk mencari duit dan bersikap materialistik telah mengabaikan tanggungjawab terhadap anak mereka. Di samping itu, pelajar yang masih berumur setahun jagung ini mudah terpengaruh dengan tindakan rakan sebaya.

Ada pelbagai langkah drastik yang boleh dijalankan untuk membendung dan mambanteras kemelut ini. Antaranya ialah dengan pemantapan peruntukan dan penguatkuasaan peraturan dan undang-undang dalam kawasan sekolah serta di luar kawasan sekolah.

Cadangan pindaan terhadap undang-undang sedia ada yang berkaitan untuk mengatasi masalah terbabit boleh dilakukan meliputi undang-undang kecil di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) berhubung

dengan pengeluaran lesen dan penenaan syarat ke atas kafe siber, Akta Polis 1967 (Akta 334) dan Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611).

Pelajar yang terbabit dengan jenayah buli ini juga boleh dikategorikan kepada melanggar disiplin sekolah, maka pihak sekolah boleh mengambil tindakan mengikut peraturan yang ditetapkan Kementerian Pendidikan dan Ordinan Pelajaran 1957.

#### Digantung sekolah

Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin) Sekolah, 1959 ada menyatakan mengenai hukuman gantung dan buang sekolah iaitu: "Sebagai perlu atau dikehendaki bagi maksud menjaga disiplin atau ketenteraman di mana-mana sekolah yang seseorang murid patut digantung persekolahannya atau dibuang sekolah. Lanjutan daripada Peraturan-Peraturan Pelajaran (Disiplin) 1959, pihak Kementerian juga banyak mengeluarkan pekeliling yang berkaitan dengan disiplin di sekolah.

Antara pekeliling itu ialah a) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 6/68 - "Pembuangan Murid-Murid daripada Sekolah kerana Kelakuan Curang." b) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 8/68 - Tata tertib di sekolah-sekolah. c) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.9/1975 - Disiplin di Sekolah. Peraturan-peraturan Sekolah Untuk Murid-Murid. d) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.7/1995 - Tatacara Mengenakan Tindakan danHukuman terhadap Pelajar-Pelajar Sekolah. e) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 4/1996 - Perlaksanaan Kuasa Disiplin dan Hukuman di Sekolah.

Selain dari sudut perundangan, kerajaan melalui Kementerian Pendidikan dan juga sekolah harus menitikberatkan isu kes buli ini dalam pelajaran melalui mata pelajaran tertentu seperti Pendidikan Moral, Pendidikan Islam, Pendidikan Sivik dan sebagainya. Dengan itu, pelajar akan menyedari bahawa perbuatan buli adalah satu kesalahan dan pelajar juga didedahkan dengan pelbagai maklumat tentang kesan buruk daripada perbuatan membuli dan cara mengelakkan diri daripada terbabit.

#### Kempen sedarkan pelajar

Selain itu, ceramah atau kempen seperti kempen antibuli juga boleh diadakan secara berterusan di setiap sekolah dari semasa ke semasa bagi menyedarkan pelajar agar jauhi diri daripada gejala buli. Pihak sekolah juga boleh menggalakkan pelajar menyertai Kelab Pencegah Jenayah kerana melaluinya mereka akan memperoleh lebih banyak pengetahuan tentang cara mencegah masalah kes buli jika menjadi mangsa.

Pihak sekolah juga perlu sentiasa memastikan bahawa pengawasan di setiap pelosok kawasan sekolah diperketatkan supaya tidak memberi sebarang peluang kepada mereka yang mempunyai keinginan membuli untuk berbuat demikian.

#### Dr Muzaffar Syah Mallow

Pensyarah Kanan  
Fakulti Syariah dan  
Undang-Undang USIM